

24 AUG 2003

Kadir-Wira

PERARAKAN WIRA NEGARA BUKTIKAN KEUPAYAAN SEBENAR RAKYAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 24 Ogos (Bernama) -- Perarakan wira negara yang telah mencipta nama dalam pelbagai lapangan di peringkat dunia pada sambutan Hari Kebangsaan ke-46 tahun ini membuktikan keupayaan sebenar rakyat Malaysia yang setaraf rakyat negara lebih maju.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata selain itu, ia juga sebagai tanda terima kasih rakyat kepada jasa yang dicurahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah menaikkan maruah dan memartabatkan bangsa.

"Pada perarakan kali ini, akan ada satu sektor menunjukkan kejayaan rakyat Malaysia yang telah mencipta nama di peringkat dunia sepanjang tempoh pemerintahan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dari 1981 hingga 2003," katanya kepada pemberita ketika melawat Dataran Putrajaya, lokasi sambutan ulang tahun Kemerdekaan tahun ini.

Katanya sektor itu akan mengumpulkan wira negara daripada pelbagai bidang seperti sukan, perniagaan dan seni.

Antara yang akan mengambil bahagian ialah wira samudera Datuk Malik Mydin dan Datuk Azhar Mansor, pendaki Gunung Everest, M Magendran, pelakon popular Datuk Michelle Yeoh, pereka kasut terkenal Datuk Jimmy Choo.

Sebelum itu, Abdul Kadir meninjau latihan kira-kira 9,000 peserta yang terlibat dalam pelbagai persembahan seperti simfoni gendang rakyat, koir dan tarian.

Katanya beliau berpuas hati dengan kegigihan dan komitmen yang ditunjukkan peserta dan mereka yang terlibat dalam latihan persembahan yang pada masa ini hampir 80 peratus berjalan seperti dirancang.

"Setakat ini, saya berpuas hati dengan apa yang telah saya lihat. Cuma terdapat beberapa masalah seperti tempat yang masih belum siap sepenuhnya agak mengganggu peserta menjalani latihan. Bagaimanapun, ia tidak menjejaskan komitmen mereka (peserta)," katanya.

Abdul Kadir berkata latihan yang dimulakan semalam di Dataran Putrajaya itu akan berjalan secara berterusan sehingga menjelang sambutan Kemerdekaan.

Sementara itu, bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan, Kongres India Muslim (KIMMA) Wilayah Persekutuan mengadakan Ekspedisi Berkereta Membawa Jalur Gemilang dari Kuala Lumpur dan berakhir di Putrajaya hari ini.

Seramai 400 peserta yang menaiki 100 kereta yang dihiasi bendera Jalur Gemilang tiba di Jabatan Perdana Menteri dan disambut oleh Pemuda Umno Bahagian Putrajaya, Mohd Khairun Aseh.

-- BERNAMA

SHI LAT